

IPTS juga wajar kaji peranan

BH 23 SEP 2000

Oleh Azman Mahmood

TUMPAT, Jumaat -- Semua institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini tidak dikecualikan daripada mengkaji semula fungsi mereka bagi melahirkan pelajar cemerlang yang bertanggungjawab kepada negara seperti mahasiswa institusi pendidikan tinggi awam (IPTA).

Berikutan itu, semua IPTS diminta memberi penekanan dan tumpuan sama kepada pelajarannya, khususnya rakyat tempatan terhadap apa yang dilakukan di IPTA tanpa hanya mahu mencari keuntungan dari sudut perniagaan saja.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata peranan IPTS bukan sekadar melahirkan mahasiswa yang lulus peperiksaan tetapi turut mempunyai kecerdikan, herilmu dan bersifat murni selain memahami tanggungjawab terhadap kerajaan serta negara.

Sebagai institusi pendidikan, katanya, IPTS tidak harus mengangap aspek membabitkan tanggungjawab kepada negara, hanya perlu disemai kepada pelajar di IPTA.

"IPTS mesti memberi tumpuan kepada pertumbuhan nilai murni dan kecerdikan pelajar kerana mereka turut terlibat dalam menyemai perasaan serta tanggungjawab kepa-

Bagi melahirkan pelajar cemerlang yang bertanggungjawab kepada negara

da negara di kalangan pelajarannya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kedangsaan (SMK) Cabang Empat, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu peranan universiti pada alaf baru ini dikaji semula bagi menentukan ia mencapai matlamat selain mengambil kira pencapaian pelajar Bumiputera itu turut membabitkan IPTS.

Menurut Perdana Menteri, setiap universiti kerajaan perlu mengambil kira kepentingan umum dan apa yang dilakukan hendaklah memenuhi aspirasi rakyat serta negara.

Abdul Aziz berkata, kementerianya akan mengadakan perbincangan dengan pihak IPTS bagi memastikan peranan di institusi pendidikan itu turut memberi tumpuan dari sudut melahirkan pelajar berbudaya mulia dan ber-

tanggungjawab kepada negara, selain cemerlang dalam pelajaran.

Katanya, adalah sesuatu yang merugikan bagi negara jika ada institusi pendidikan yang hanya berjaya melahirkan pelajar cemerlang; tetapi tidak mempunyai budaya mulia.

"Bahagian Pendidikan Tinggi Swasta di Kementerian Pendidikan akan berbincang supaya apa juga yang berlaku di IPTA turut diamalkan di IPTS, terutama sekali dalam menyemai nilai murni dan cintakan negara.

"Apa yang menjadi kebimbangan ialah ada orang hanya pandai bercakap tetapi tidak pandai menyelesaikan masalah. Jadi, teguran Dr Mahathir supaya dikaji semula peranan universiti bertujuan supaya kita sama-sama membina kemajuan dan kejayaan negara ke arah yang lebih baik," katanya.

Mengenai ramai pelajar Malaysia di Universiti Al-Azhar di Mesir yang gagal dalam peperiksaan, beliau berkata kebanyakan daripada mereka adalah pelajar persendirian.